

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

Kempen Promosi **FPX Akhir Tahun 2025** ("Kempen") ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) ("Maybank"), dan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2.0 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad serta mengikat.

1.0 Tempoh Kempen

- a) Kempen ini akan berlangsung dari 1 October 2025 pada jam 12:00:00 tengah malam (MYT) sehingga 31 Disember 2025 pada jam 11:59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] ("Tempoh Kempen").
- b) Tempoh Kempen ini dibahagikan kepada 3 Bulan Kempen seperti berikut:

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan 1	1 Oktober – 31 Oktober 2025
Bulan 2	1 November – 30 November 2025
Bulan 3	1 Disember – 31 Disember 2025

2.0 Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang menjalankan transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u, yang juga dikenali sebagai FPX dan DuitNow Online Banking/Wallet dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran mereka dalam Tempoh Kempen ("**Transaksi yang Layak**").
- b) Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun ("**Individu Bawah Umur**") hendaklah mendapatkan keizinan daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran semasa pembayaran dilakukan, Individu Bawah Umur dianggap telah memperoleh keizinan terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka. Terma dan Syarat ini akan terpakai kepada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka menggantikan Individu Bawah Umur tersebut.
- c) Semua pelanggan individu yang memenuhi kriteria ini dan berjaya melengkapkan Transaksi Layak akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**". Pelanggan yang Layak akan didaftarkan secara automatik ke dalam Kempen ini.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

3.0 Mekanik Kempen

- a) Pelanggan yang Layak mestilah melakukan Transaksi yang Layak dalam Tempoh Kempen bagi melayakkan diri untuk memenangi Hadiah Utama ("**Hadiah Utama**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.
- b) Kempen ini turut menawarkan beberapa Promosi Diskaun daripada pelbagai peniaga. Pelanggan yang Layak mestilah memiliki akaun yang sah dan aktif untuk peniaga yang berkenaan serta melakukan Transaksi yang Layak dalam Tempoh Kempen bagi melayakkan diri untuk menuntut dan menggunakan diskaun dalam kempen ini, yang selepas ini akan dirujuk sebagai "**Promosi Diskaun**". Promosi Diskaun adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.
- c) Transaksi yang Layak bermaksud sebarang transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang berjaya dilaksanakan dalam Tempoh Kempen mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan/atau Jadual 2.
- d) Tempoh dan proses pelaksanaan promosi juga akan tertakluk kepada terma dan syarat peniaga yang berkenaan. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pindaan dalam proses pelaksanaan promosi yang dibuat oleh peniaga.

Jadual 1: Syarat Kempen untuk Memenangi Hadiah Utama

Transaksi yang Layak	Penyertaan Diperolehi	Amaun Kelayakan bagi Setiap Transaksi	Hadiah Utama	Kuantiti Hadiah
Pelanggan yang melakukan transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u di mana-mana platform atau peniaga dalam talian.	Satu (1) penyertaan bagi setiap Transaksi yang Layak.	Transaksi sebarang amaun.	Pembelian tanpa had bernilai Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000) bagi setiap pemenang	Sepuluh (10) pemenang sepanjang Tempoh Kempen.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

Jadual 2: Syarat Kempen untuk memenangi Promosi Diskaun

Semua promosi diskaun yang disenaraikan di bawah adalah tertakluk kepada prinsip siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada jumlah baucar yang dihadkan bagi setiap tempoh jualan.

Peniaga	Promosi Diskaun	Pelaksanaan Promosi	Perbelanjaan/ Mekanik Kelayakan	Tarikh Promosi
Shopee	1.Diskaun RM3 2.Diskaun RM5 3.Diskaun RM50	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pengguna membuat pembayaran melalui perbankkan dalam talian Maybank2u.	1. Tiada perbelanjaan minimum 2. Perbelanjaan minimum sebanyak RM15 3. Perbelanjaan minimum sebanyak RM300	Untuk item diskaun 1 1-10 Oktober 2025 Untuk item diskaun 2 1-11 November 2025 1-12 Disember 2025 Untuk item diskaun 3 10-11 November 2025 11-12 Disember 2025
TikTok Shop	1.Diskaun RM5 2.Diskaun RM50	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pengguna membuat pembayaran melalui perbankkan dalam talian Maybank2u.	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM15 2. Perbelanjaan minimum sebanyak RM300	Untuk item diskaun 1 dan 2: 24-27 Oktober 2025 6-11 November 2025 24-26 November 2025 9-12 Disember 2025
Lazada	1.Diskaun RM5 2.Diskaun RM50	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pengguna membuat pembayaran melalui perbankkan dalam talian Maybank2u.	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM15 2. Perbelanjaan minimum sebanyak RM300	Untuk item diskaun 1 dan 2: 9 – 12 Oktober 2025 10 – 13 November 2025 11 – 14 Disember 2025

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

Peniaga	Promosi Diskaun	Pelaksanaan Promosi	Perbelanjaan/ Mekanik Kelayakan	Tarikh Promosi
Taobao	1.Diskaun RM5 2.Diskaun RM50	Diskaun akan digunakan secara automatic di halaman pembayaran apabila pengguna membuat pembayaran melalui perbankan dalam talian Maybank2u.	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM15 2. Perbelanjaan minimum sebanyak RM300	<u>Untuk item diskaun 1:</u> 1 – 11 November 2025 1 – 12 Disember 2025 <u>Untuk item diskaun 2:</u> 10 – 11 November 2025 11 – 12 Disember 2025
Watsons	1. Pulangan Tunai RM5	Pulangan tunai akan dikreditkan oleh Watsons ke akaun ahli Watsons Pelanggan yang Layak selepas tempoh jualan, dalam bentuk baucar e-tunai bernilai RM5 untuk pembelian seterusnya.	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM100	<u>Untuk, item diskaun 1:</u> 1-11 November 2025 3-12 Disember 2025
Zus	1. Diskaun RM5	Masukkan kod promosi 'MAETURNS5' semasa membuat pembayaran dan pilih perbankan dalam talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran.	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM10	<u>Untuk item diskaun 1:</u> 30 Oktober 2025 6 November 2025 13 November 2025 20 November 2025 27 November 2025 4 Disember 2025 11 Disember 2025 18 Disember 2025 25 Disember 2025

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

4.0 Pemberian Hadiah

- a) Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan item lain yang mempunyai nilai pasaran setara, mengikut budi bicara munasabahnyanya, dengan pemberian notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemenang yang akan dimaklumkan melalui laman web Maybank2u dan/atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- b) Contoh/senario kelayakan untuk Hadiah Utama dan Promosi Diskaun

Senario	Kelayakan
Pelanggan melakukan dua (2) pembayaran melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u sepanjang tempoh kempen. 1. Satu (1) pembayaran sebanyak RM30 kepada Shopee pada 26 Oktober 2025 2. Satu (1) pembayaran sebanyak RM100 kepada Taobao pada 1 November 2025	Layak menerima dua (2) penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. Tidak layak untuk sebarang promosi diskaun di Shopee kerana ia tidak berada dalam tarikh yang ditetapkan. Layak menerima pulangan tunai RM5, tertakluk kepada prinsip siapa cepat dia dapat dan had promosi bagi setiap Bulan Kempen.
Pelanggan melakukan empat (4) pembayaran melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u sepanjang tempoh kempen. Pembayaran ke Lazada: 1. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 25 Oktober 2. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 11 November Pembayaran ke Taobao 1. Satu (1) pembayaran sebanyak RM250 pada 9 November 2. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 5 December	Layak menerima empat (4) entri untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. Untuk pembayaran pada 25 Oktober, tidak layak untuk sebarang promosi diskaun di Lazada kerana ia tidak berada dalam tarikh yang ditetapkan. Untuk pembayaran pada 11 November: Layak menerima satu (1) pulangan tunai RM50 di Lazada berdasarkan dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan. Layak untuk satu (1) pulangan tunai RM50 dan satu (1) pulangan tunai RM5 di Taobao berdasarkan dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

- c) Pelanggan yang Layak yang telah melaksanakan Transaksi yang Layak akan dipilih sebagai Pemenang. Hadiah Utama dan Promosi Diskaun akan dilaksanakan mengikut jadual seperti di bawah.

Hadiah	Pemilihan Pemenang	Pemberian Hadiah
Hadiah Utama	Pemenang akan dipilih secara rawak menggunakan penjana rawak berdasarkan penyertaan yang diperolehi oleh Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen. Sejumlah sepuluh (10) Pelanggan yang Layak akan dipilih sebagai Pemenang untuk keseluruhan Tempoh Kempen.	Hadiah akan diberi dalam tempoh 90 hari selepas tamat Tempoh Kempen. Selewat-lewatnya pada 31 Mac 2026
Shopee: Diskaun RM3 Diskaun RM5 Diskaun RM50	Pemenang yang layak akan menerima ganjaran atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan. Tertakluk kepada 77,242 penebusan sepanjang tempoh jualan.	Diskaun serta-merta akan digunakan semasa pembayaran.
TikTok Shop: Diskaun RM5 Diskaun RM50	Pemenang yang layak akan menerima ganjaran atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan. Tertakluk kepada 33,092 penebusan sepanjang tempoh jualan.	
Lazada: Diskaun RM5 Diskaun RM50	Pemenang yang layak akan menerima ganjaran atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan. Tertakluk kepada 10,100 penebusan sepanjang tempoh jualan.	
Taobao: Diskaun RM5 Diskaun RM50	Pemenang yang layak akan menerima ganjaran atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang tempoh jualan. Tertakluk kepada 3,680 penebusan sepanjang tempoh jualan.	

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

Watson: Diskaun RM5 Diskaun RM50	Pemenang yang layak akan menerima ganjaran selepas tempoh jualan atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada. Tertakluk kepada 14,000 penebusan sepanjang tempoh jualan	Pulangan tunai akan dikreditkan oleh Watsons ke akaun ahli Watsons pelanggan yang layak selepas tempoh jualan, dalam bentuk baucar e-tunai bernilai RM5 untuk pembelian seterusnya.
Zus: Diskaun RM5	Diskaun terhad kepada 5,000 pengguna pertama setiap minggu (setiap hari Khamis) atas dasar siapa cepat, dia dapat selagi stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan kod promosi sepanjang tempoh jualan. Tertakluk kepada 45,000 penebusan sepanjang tempoh jualan.	Setiap pengguna berhak menebus satu (1) kod promosi sepanjang tempoh jualan dengan diskaun digunakan semasa proses pembayaran

- d) Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah Utama yang sepatutnya diberikan kepada Pemenang tersebut.
- e) Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan melalui pemberitahuan segera (push notification) daripada aplikasi MAE dan/atau e-mel/panggilan telefon. Peserta yang disenarai dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul. Sekiranya soalan tersebut tidak dijawab dengan betul selepas dua (2) percubaan; ATAU sekiranya Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank tidak dapat menghubungi Pemenang selepas tiga (3) kali percubaan panggilan suara, Pemenang akan dibatalkan kelayakannya dan peserta seterusnya akan dihubungi. Sekiranya peserta tidak dapat menjawab soalan secara lisan atas sebab ketidakupayaan, penjaga sah atau wakil boleh membantu menjawab soalan yang dikemukakan.
- f) Hadiah utama akan diberikan dalam bentuk pembelian tanpa had “shopping spree” di satu acara yang akan dianjurkan oleh Maybank pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Maybank.
- i) Nilai pembelian tanpa had tersebut ialah RM5,000 bagi setiap pemenang;
 - ii) Maybank akan memaklumkan butiran acara kepada pemenang pada tarikh yang lebih hampir dengan tarikh acara.
- g) Pembelian tanpa had atau “shopping spree” ini tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
- i) Pembelian tanpa had ini tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai.
 - ii) Acara pembelian tanpa had ini hendaklah dihadiri oleh Pemenang yang terpilih (penggunaan kad pengenalan akan disahkan semasa pendaftaran acara).
 - iii) Pemenang boleh membayar perbezaan sekiranya jumlah nilai barangan yang dipilih semasa pembelian tanpa had melebihi RM5,000; namun tiada bayaran balik akan diberikan sekiranya nilai barangan yang dipilih kurang daripada RM5,000.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

- iv) Sekiranya nilai barangan yang dipilih kurang daripada RM5,000, pemenang boleh diberi masa tambahan untuk memilih barangan lain bagi mencukupi baki jumlah sehingga RM5,000.
- h) Maybank berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan atau bukti pengenalan diri, umur dan tempat kediaman daripada mana-mana Pemenang.
- i) Maybank tidak akan meminta sebarang maklumat perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit, Kod Kebenaran Transaksi (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali guna (OTP) daripada Pemenang untuk tujuan penebusan Hadiah atau bagi apa-apa sebab sekalipun.
- j) Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk (i) membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini; dan/atau (ii) menarik balik sebarang Hadiah yang telah diberikan kepada Pemenang sekiranya:
 - i) Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau operasi Kempen; atau
 - ii) Pemenang didapati atau disyaki terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang tidak selaras dengan matlamat Kempen ini.

Tanpa menjejaskan perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak mana-mana penyertaan atau membatalkan kelayakan mana-mana Pemenang mengikut budi bicara mutlakanya.

- k) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat hubungan mereka seperti nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Maybank. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Pelanggan yang Layak hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini, dan Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan) yang dialami sekiranya maklumat hubungan Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank tidak dikemas kini.
- l) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau pengganti bagi Hadiah Utama sekiranya Pemenang menolak Hadiah Utama dan/atau telah dihantar dan/atau memohon pilihan lain.
- m) Hadiah Utama yang diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

5.0 Pelaksanaan Promosi Diskaun

- a) Sepanjang Tempoh Kempen, peniaga yang dinyatakan dalam Jadual 2 berhak untuk melaksanakan usaha promosi tambahan dengan menawarkan Promosi Diskaun kepada Pelanggan yang Layak yang melaksanakan Transaksi Layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap peniaga.
- b) Promosi Diskaun boleh ditebus berdasarkan dasar siapa cepat, dia dapat untuk pedagang yang disenaraikan dalam jadual 2 dan hanya terpakai bagi pembelian yang dibuat menggunakan perbankan dalam talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran.
- c) Promosi Diskaun juga tertakluk kepada terma dan syarat masing-masing yang ditetapkan oleh setiap peniaga. Terma dan syarat ini boleh diubah dari semasa ke semasa mengikut budi bicara peniaga. Untuk mengelakkan keraguan, Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Terma dan Syarat yang dikenakan oleh peniaga. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan dengan Promosi Diskaun, Pelanggan yang Layak hendaklah mengemukakan isu tersebut terus kepada peniaga yang berkenaan.
- d) Maybank berhak untuk menggantikan mana-mana atau semua Promosi Diskaun yang disenaraikan dengan item lain yang mempunyai nilai pasaran setara mengikut budi bicara munasabahnyanya, dengan pemberian notis awal selama dua puluh satu (21) hari ("hari" merujuk kepada hari kalendar) melalui sebarang kaedah yang dipandang sesuai oleh Maybank.
- e) Promosi Diskaun adalah sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada bahan promosi yang dikeluarkan oleh peniaga. Sekiranya Promosi Diskaun tidak digunakan sebelum tarikh tamat tempoh tersebut, Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah laku, menggantikan Promosi Diskaun tersebut, atau membuat sebarang bayaran balik atau pampasan atas mana-mana bahagian yang tidak digunakan sekiranya Pemenang dan/atau Pelanggan yang Layak tidak menggunakan Promosi Diskaun sepenuhnya.
- f) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau pengganti bagi Promosi Diskaun sekiranya Pelanggan yang Layak menolak Promosi Diskaun dan/atau memohon pilihan lain.
- g) Promosi Diskaun adalah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa bentuk bayaran lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

6. Terma dan Syarat Umum

- 6.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 6.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 6.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 6.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 6.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX Akhir Tahun 2025

tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.

- 6.6 Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 6.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- 6.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.